



SIARAN MEDIA

1,470 SPESIES BIODIVERSITI PULAU BANDING CATAT REKOD ASEAN DAN ASIA, SERLAH KEKAYAAN BIODIVERSITI MALAYSIA

Pulau Banding sekali lagi membuktikan nilai pentingnya sebagai landskap biodiversiti Asia apabila Banding Trail Adventure (BTA2026) berjaya mengenal pasti 1,470 spesis biodiversiti dalam tempoh empat hari dari 18 hingga 21 Ogos.

Pencapaian tersebut membolehkan BTA2026 menerima Pengiktirafan ASEAN dan Asia Records bagi kategori "Jumlah Spesis Tertinggi Direkodkan Merentasi Tiga Domain Biologi dalam Satu Program Ekspedisi Denai" (*Highest Species Count Recorded Across Three Biological Domains in a Single Trail Expedition Programme*).

Pengiktirafan tersebut disaksikan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup selepas merasmikan Majlis Penutupan dan Pengiktirafan ASEAN dan Asia Records Banding Trail Adventure (BTA2026) di sini, hari ini.

Dalam ucapannya, beliau berkata pendekatan program ini selari dengan aspirasi pemuliharaan biodiversiti negara. Program ini juga menyokong pelaksanaan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022–2030, yang memberi penekanan kepada pemuliharaan biodiversiti, penggunaan sumber secara lestari, perkongsian manfaat yang adil serta pengukuhan penyelidikan dan pembangunan ilmu pengetahuan.

Ujarnya, pendekatan yang dilaksanakan melalui BTA turut mencerminkan komitmen Malaysia terhadap Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework, khususnya dalam memperkuat usaha pemuliharaan biodiversiti melalui kerjasama pelbagai pihak, penglibatan komuniti, pembangunan kapasiti dan penggunaan data saintifik sebagai asas membuat keputusan.

Tegasnya, pemeliharaan biodiversiti merupakan agenda penting pembangunan negara yang memerlukan penglibatan seluruh negara dan seluruh masyarakat. Kerjasama antara Kerajaan, institusi penyelidikan, sektor swasta, pertubuhan masyarakat sivil dan komuniti amat penting bagi memastikan khazanah biodiversiti negara terus dipelihara secara berkesan dan mampan.

Beliau turut menekankan kepentingan data dan penyelidikan saintifik dalam menyokong usaha pemuliharaan serta membantu Kerajaan membuat keputusan dan merangka dasar berasaskan bukti. Data biodiversiti yang diperoleh melalui program seperti BTA turut menyumbang kepada pengukuhan pangkalan data biodiversiti negara, termasuk Malaysia Biodiversity Information System (MyBIS).

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Datuk Wira Anis Rizana Mohd Zainudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) NRES, Dato' Khalid Mohamed, Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah, Pulau Banding Foundation, Dato' Prof. Emeritus Dr. Abdul Latiff Mohamed, Pengerusi Eksekutif, Kumpulan Emkay, Dato' Hjh Fazwinna Tan Sri Datuk Mustapha Kamal dan Ketua Pegawai Kelestarian, Tenaga Nasional Berhad, Leo Pui Yon.

BTA2026 merupakan program ekspedisi dan dokumentasi biodiversiti yang menggabungkan sains, pemuliharaan, pendidikan serta penglibatan pelbagai pihak bagi mengenal pasti dan merekodkan kekayaan biodiversiti di Pulau Banding, Perak. BTA2026 menghimpunkan lebih 50 pakar, penyelidik dan sukarelawan daripada pelbagai latar belakang, termasuk agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, organisasi bukan kerajaan dan sektor korporat.

Program ini dianjurkan oleh Pulau Banding Foundation (PBF) sebagai penganjur utama bersama Universiti Malaysia Kelantan (UMK), UMK Tropical Rainforest Research Centre (UMK-TRaCe), Belum Rainforest Resort dan Yayasan EMKAY, dengan sokongan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Setia Haruman dan Kumpulan EMKAY. BTA2026 berlangsung dari 18 hingga 21 Ogos 2026, dengan kerja-kerja pensampelan lapangan biodiversiti dijalankan sebelum data akhir dikemukakan untuk proses pengesahan.

Pencapaian BTA2026 merupakan kesinambungan daripada kejayaan program pada tahun lepas apabila BTA2025 berjaya menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) bagi kategori "Spesis Biodiversiti Terbanyak Dikenal Pasti dalam Satu Program" (*Most Biodiversity Species Identified in a Program*) selepas merekodkan sebanyak 519 spesis.

Ia bukan sekadar satu kejayaan program, tetapi turut menyumbang kepada agenda lebih besar negara dalam memperkukuh pemuliharaan biodiversiti berasaskan ilmu pengetahuan dan kerjasama pelbagai pihak.

Kerajaan akan terus menyokong usaha penyelidikan dan pemuliharaan biodiversiti melalui pelbagai mekanisme dan kerjasama strategik, termasuk pembiayaan projek pemuliharaan yang dapat meningkatkan kefahaman mengenai ekosistem dan hidupan liar negara.

NRES kekal komited untuk bekerjasama dengan semua pihak dalam memastikan kekayaan biodiversiti Malaysia terus dilindungi, dipulihara dan diurus secara mampan demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
21 OGOS 2026



MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Antara organisasi yang terlibat ialah **Forest Research Institute Malaysia (FRIM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**, selain **Tropical Rainforest Conservation & Research Centre (TRCRC)** serta **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**.
2. Ekspedisi turut mendapat sokongan daripada **National Conservation Trust Fund for Natural Resources (NCTF), EXCO Alam Sekitar Negeri Perak, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Negeri Perak, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Jabatan Perikanan Perak, Perbadanan Taman Negeri Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Tourism Perak Management Berhad, World Wildlife Fund (WWF), Majlis Daerah Gerik, Malaysian Nature Society (MNS), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, serta Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia.**
3. Keterlibatan pelbagai pihak ini menjadikan BTA2026 bukan sahaja sebuah ekspedisi biodiversiti, tetapi turut berfungsi sebagai platform **sains warga** (*citizen science*) dan **sains kolaboratif** (*collaborative science*), yang menggalakkan perkongsian kepakaran, ilmu dan data antara penyelidik, pakar, sukarelawan dan organisasi yang terlibat.
4. Terletak di Hulu Perak dan dikelilingi oleh hutan hujan tropika serta Tasik Temengor, Pulau Banding mempunyai kedudukan strategik dalam landskap **Belum-Temengor**, salah satu kawasan hutan yang mempunyai kepentingan besar terhadap pemuliharaan biodiversiti Malaysia.
5. Melalui BTA2026, Pulau Banding diketengahkan bukan hanya sebagai destinasi alam semula jadi dan ekopelancongan, tetapi sebagai **tapak pembelajaran, penyelidikan dan pemuliharaan biodiversiti** yang mampu menghubungkan sains dengan masyarakat.
6. BTA2026 turut menyokong pelaksanaan **Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)** dengan **SDG 15 – Kehidupan di Darat, SDG 4 – Pendidikan Berkualiti dan SDG 17 – Perkongsian untuk Matlamat** sebagai fokus utama.
7. Kejayaan BTA2026 turut disokong oleh penglibatan sektor korporat dan rakan strategik. **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** merupakan **Title Conservation Partner (Penaja Utama)** bagi BTA2026, manakala sokongan penajaan turut diterima daripada **Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation (MPOGCF), Chetak Exclusive, Hygr, Extra Joss dan Gardenia.**

8. Sokongan ini mencerminkan kepentingan kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam memperkukuh agenda pemuliharaan alam sekitar, penyelidikan biodiversiti dan pembangunan program berimpak tinggi.
9. Pengiktirafan BTA2026 merupakan satu pencapaian penting, namun nilai sebenar program ini terletak pada ilmu, data dan kerjasama yang terhasil sepanjang pelaksanaannya.
10. Penglibatan pakar, penyelidik, agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, sektor korporat, NGO, sukarelawan dan komuniti turut menunjukkan bahawa pemuliharaan biodiversiti memerlukan kerjasama pelbagai pihak yang berterusan.